



**JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR**  
Tingkat M,9,10,11,14,17 & 18 , No.1, Wisma Sunway  
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C , Seksyen 9  
40100 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan



Tel : 03-5123 7333,03-5123 7334,03-5123 7335,03-5123 7401  
Faks : 03-5123 7202 (Pengarah),03-5123 7209 (Pengurusan),  
03-5123 7299 (Perubatan),03-5123 7389 (Pergigian),  
03-5123 7399(Kesihatan Awam),03-5123 7402 (BKKM),  
03-5123 8604 (Farmasi)

Portal Rasmi : [www.jknselangor.moh.gov.my](http://www.jknselangor.moh.gov.my)

Ruj. kami : JKNS/KA/V/730/01-04 Jld. 8 ( 56 )

Tarikh : ~~Oktober~~ 2022

4 Nov

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### **KEY POINTS HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEMATIAN DEMAM DENGGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 7/2022**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor adalah komited ke arah mencapai sasaran Kadar Kematian Demam Denggi - *Case Fatality Rate* (CFR) <0.2% seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sehingga Minggu Epid 40/2022 CFR yang dicatatkan oleh Selangor ialah 0.02%.

3. Mesyuarat Semakan Kematian Denggi Peringkat Negeri Selangor Bil 7/2022 telah diadakan pada 6 Oktober 2022. Berikut adalah *key points* hasil mesyuarat tersebut sebagai perkara yang perlu diberi perhatian dan tindaksusul oleh semua PTJ di Negeri Selangor :

#### **3.1 Rujukan Kes Demam Denggi Kritikal Antara Fasiliti Kesihatan**

Semua pesakit demam denggi yang kritikal dan perlu dirujuk ke hospital lain perlu dibincangkan di antara pakar perubatan fasiliti yang merujuk dengan pakar perubatan hospital yang dirujuk termasuk fasiliti swasta. Ini bagi memastikan kes ini diurus dengan baik serta untuk memastikan pasukan yang dirujuk bersedia untuk menerima rujukan pesakit yang kritikal. Di samping itu, hospital yang merujuk perlu memastikan terdapat kekosongan katil di ICU hospital dirujuk untuk rawatan rapi sebelum menghantar pesakit.

PENYAYANG, PROFESIONALISME DAN KERJA BERPASUKAN ADALAH BUDAYA KERJA KITA



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015  
CERT. NO. QMS 01508

### **3.2 Rujukan Kes Demam Denggi Yang Kritikal**

Pesakit yang hendak dirujuk hendaklah dipastikan di dalam keadaan yang telah **distabilkan terlebih dahulu** dan pihak yang merujuk boleh berbincang bersama pihak hospital yang akan menerima pesakit rawatan yang harus diberikan sebelum dan semasa proses pesakit dipindahkan.

### **3.3 Rujukan Kes Ke Hospital Terdekat**

Kes demam denggi yang kritikal, perlu dirujuk ke hospital yang terdekat dengan hospital yang merujuk. Ini bagi memastikan tempoh masa perjalanan dapat dipendekkan dan pasukan yang merawat akan segera melihat pesakit.

### **3.4 Surat Rujukan Pesakit Demam Denggi Ke Hospital lain**

Surat rujukan pesakit demam denggi yang kritikal perlu disediakan dengan lengkap dengan merekodkan keadaan pesakit dan semua rawatan yang telah diberikan termasuk dokumentasi *vital signs* pesakit.

### **3.5 Dokumentasi *Vital Signs* Yang Lengkap**

Pihak hospital perlu memastikan kes demam denggi yang kritikal dipantau *vital signs* dengan rapi dan didokumenkan di dalam rekod pesakit termasuk ketika menjalankan prosedur ujian siasatan seperti ujian pengimejan dan ketika proses pindah ke dari dalam kenderaan ambulan. Ini bagi memastikan rawatan pesakit yang optima dapat diberikan dengan melihat keadaan *vital signs* pesakit di samping pasukan yang akan menerima pesakit dapat meneliti status keseluruhan keadaan pesakit.

### 3.6 **Co-management In Patient With Severe Dengue**

Semua pesakit *severe dengue* perlu dirawat secara *inter-discipline* iaitu *primary team / Emergency Department (ED) team* dan *anaesthesiology/intensivist*. Pasukan *Anaesthesiologist / intensivist* sepatutnya boleh terus memberikan rawatan di Jabatan Kecemasan bagi kes kritikal yang diterima dan bukan hanya rawatan diberikan di Unit Rawatan Rapi (ICU).

### 3.7 **Meningkatkan Promosi Kesedaran Penyakit Demam Denggi**

Semua pihak di penjagaan primer, hospital dan komuniti perlu memainkan peranan dalam memberi kesedaran kepada orang ramai untuk mendapatkan rawatan awal sekiranya mempunyai tanda-tanda awal demam denggi dan pesakit demam yang tinggal di *dengue prone area*.

4. Sehubungan dengan itu, dimohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dapat menyampaikan maklumat ini kepada pegawai dan anggota kesihatan di bawah seliaan agar perkhidmatan yang diberikan adalah komprehensif.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah



**(DATO' INDERA DR. SHA'ARI BIN NGADIMAN)**

No Pendaftaran Penuh MPM: 26842, NSR: 127761

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor

KEY POINTS HASIL SEMAKAN KEMATIAN DENGGI BIL 7/2022

s.k

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, JKNS

Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Unit Primer, JKNS

Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Unit Kesihatan Amalan Perubatan Swasta, JKNS

## KEY POINTS HASIL SEMAKAN KEMATIAN DENGGI BIL 7/2022

### SENARAI EDARAN

Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Daerah Petaling

Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Daerah Klang

Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat

Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor

Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam

Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Daerah Gombak

Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor

Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat

Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Daerah Sepang

Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

Pengarah Hospital, Hospital Selayang

Pengarah Hospital, Hospital Serdang

Pengarah Hospital, Hospital Sg. Buloh

Pengarah Hospital, Hospital Ampang

Pengarah Hospital, Hospital Kajang

Pengarah Hospital, Hospital Banting

Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam

Pengarah Hospital, Hospital Kuala Kubu Bharu

*KEY POINTS HASIL SEMAKAN KEMATIAN DENGGI BIL 2022*

Pengarah Hospital, Hospital Tanjong Karang

Pengarah Hospital, Hospital Shah Alam

Pengarah Hospital, Hospital Orang Asli Gombak

Malaysia Medical Association  
4<sup>th</sup> Floor, Bangunan MMA 124 Jlna Pahang  
53000 Kuala Lumpur

Association of Private Hospitals of Malaysia  
A-17-01, Menara UOA Bangsar  
No 5, Jalan Bangsar Utama 1  
59000 Kuala Lumpur

The Private Medical Practitioner's Association Of Selangor and Kuala Lumpur  
Unit 1.6, Level 1, Enterprise 3B  
Technology Park Malaysia (TPM)  
Jalan Inovasi 1  
Lebuhraya Puchong- Sungai Besi, Bukit Jalil  
57000 Kuala Lumpur

---